Title	ABC berumahtangga
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1994 Muhammad Ariff bin Ahmad

1994 0511 0709

Muhammad Ariff Ahmad

ABC Berumahtangga

6. Mengetahui Ilmu Berumahtangga

Tetakkan parang ke dahan sena,
Belah buluh taruhlah temu;
Barang kerja takkan sempurna,
Bila tidak menaruh ilmu.
[Kumpulan Pantun Melayu DBP KL hal 137]

• Pantun tersebut memberitahu kita bahawa tidak ada sebarang pekerjaan, walau semudah mana sekalipun [apalagi hendak mendirikan 'rumahtangga yang ceria'], yang dapat digarap dengan sempurna tanpa ilmu yang tertentu. Maka itu wajiblah:
§ **strategi tiga:** tiap calon suami isteri belajar untuk *mengetahui ilmu berumahtangga* sekurang-kurangnya yang berkenaan dengan:

6.1 erti 'perkahwinan' dalam Islam

Perkahwinan atau *pernikahan* ialah ikatan (kontrak) yang juga dikatakan ***aqad*** antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang menjadikan mereka itu suami isteri yang sah menurut syariat Islam.

6.2 perintah berkahwin (nikah)

(1) Bacalah al-Quran, surah *an-Nisa' : 3* dan *al-Baqarah : 221.*
(2) Niatkanlah bahawa perkahwinan itu adalah suatu ibadat yang dilakukan semata-mata *kerana Allah* iaitu kerana mentaati perintah dan larangan Allah dan Rasulullah serta untuk mendapatkan *keredaan Allah* - bukan kerana yang lain.
(3) Niatkan juga perkahwinan itu untuk:
(3a) mengekalkan kesinambungan gelaran *ibu, bapa, anak, cucu* dan lain-lain gelaran keluarga **yang sah** [tanpa nikah: tidak tsabit sebarang keturunan dan tidak sah sebarang gelaran].
(3b) memupuk rasa cinta dan kasih sayang yang suci lagi ikhlas secara sihat lagi terhormat serta mengukuhkan perhubungan silaturrahim antara [sekurang-kurangnya] dua keluarga - keluarga suami dan keluarga isteri.
(3c) menunaikan tuntutan batin [melakukan senggama] secara sah, sihat lagi bersopan santun.
(3d) melahirkan [anak] manusia dan masyarakat yang sah dan bertenggung jawab; [manusia yang lahir tanpa (di luar) nikah tidak terlindung oleh undang-undang syarak mahupun oleh undang-undang negara].

6.3 hukum nikah

(1) *sunnat* [bagi lelaki yang ada keinginan kepada perempuan; yang ingin untuk mendapat keturunan yang sah; dan **mampu menanggung nafkah** serta **memelihara secara adil** akan isteri dan anak-anaknya].
(2) *wajib* [bagi lelaki yang ada keinginan kepada perempuan; mampu menanggung nafkah isteri dan anak-anak secara adil; dan **dalam keadaan mungkin melakukan zina jika dia tidak bernikah**].

(3) *harus* [bagi lelaki yang tidak ada keinginan kepada perempuan tetapi ia mampu menanggung nafkah isteri dan anak-anak, jika dia bernikah].
(4) *makruh* [bagi lelaki yang **tidak mampu menanggung nafkah** anak isterinya].
(5) ***haram*** [bagi lelaki yang hendak bernikah dengan maksud **hendak menzalimi atau menganiayai** perempuan yang akan dinikahinya].

6.4 rukun nikah

Pernikahan sah dilaksanakan apabila ada:
(1) *calon suami*
(2) *calon isteri*
(3) *wali bagi calon isteri*
(4) *dua saksi*
(5) *aqad*

6.5 syarat nikah

(1) *calon suami* mestilah seorang lelaki beragama Islam, sempurna akal, sudah baligh, tidak sedang di dalam ihram, tidak ada hubungan mahram dengan calon isteri, tidak dipaksa sesiapa, kenal atau tahu akan calon isterinya secara munasabah.
(2) *calon isteri* mestilah seorang perempuan beragama Islam, sempurna akal, sudah baligh, tidak sedang di dalam ihram, tidak ada hubungan mahram dengan calon suami, bukan isteri yang sah kepada seseorang, tidak di dalam iddah, tidak dipaksa wali [melainkan oleh wali mujbir: jika ada sebab-sebab yang diharuskan syarak]
(3) *wali* [bagi calon isteri]:

(3a) *wali* mestilah salah seorang daripada 11 wali yang layak [10 sebagai *wali keturunan* dan 1 sebagai *wali hakim* yang dilantik pemerintah];
(3b) *wali* mestilah seorang lelaki Islam, sempurna akal dan fikirannya, sudah baligh, sempurna agamanya [orang fasik tidak layak menjadi wali], yang adil dan tidak dipaksa sesiapa.
(3c) **bapa** dan **datuk** [bapa kepada bapa] ialah *wali mujbir* yang mempunyai **hak memaksa** - wali mujbir berhak menikahkan anak/cucunya tanpa mendapatkan lebih dahulu izin anak gadisnya itu, dengan syarat:

- tidak ada sebarang permusuhan antara wali dengan gadis [anak/cucu] yang hendak dinikahkan itu;
- tidak ada sebarang permusuhan antara wali dengan calon suami anak gadisnya itu;
- calon suami gadis itu mampu membayar maskahwinnya;
- calon suami itu sekufu dengan anak gadisnya dari segi keturunan, keagamaan, pekerjaan dan yang sebagainya.
- hak memaksa itu hanya berlaku jika calon isteri itu seorang **gadis.** Jika calon isteri itu **janda,** hak memaksa itu tidak mampan.

(4) *dua saksi* mestilah dua orang lelaki Islam yang sempurna akal fikirannya, sempurna agamanya [tidak fasik], ikhlas dan adil.
(5) *aqad* disebut juga *sighah* iaitu ucapan *ijab dan qabul* [menyerahkan dan menerima], penyerahan dilakukan oleh wali dan penerimaan oleh calon suami.

(5a) contoh lafaz *ijab* ialah: *Ya Ban bin Bun! Aku nikahkan dikau dengan anakku, Banta binti Buntu dengan maskahwinnya S$50.00 tunai.*
(5b) contoh lafaz *qabul* ialah: *Aku terima nikah(nya) Banta binti Buntu dengan maskahwinnya seperti yang tersebut.*`

6.6 yang di*sunnat*kan dalam pernikahan

(1) sunnat dibacakan *khutbah nikah* dalam upacara pernikahan itu untuk mengingatkan pengantin dan sekalian hadirin tentang hak dan tanggung jawab suami isteri. Walaupun boleh dilakukan oleh sesiapa yang layak dan sesuai, namun pada adatnya, kadilah yang membacakan khutbah itu.

(2) sunnat didoakan pengantin itu supaya rumahtangganya diberkati dan dirahmati Allah sepanjang hayat suami isteri itu.

(3) sunnat diadakan majlis *walimatul-urus* secara sederhana. Majlis itu boleh diiringi dengan hiburan bunyi-bunyian yang diharuskan syarak.

7. Memebina Harmoni Rumahtangga

Kedua-dua pengantin itu harus **sedar diri** bahawa selesai nikah kelak, mereka akan terikat dalam suatu *kongsi* - dalam suatu *institusi*. Mereka tidak lagi bebas dengan bertindak *napsi-napsi*, tidak lagi boleh mereka berbuat sesuatu mengikutkan kehendak sendiri-sendiri, bak kata peribahasa: *beraja di mata, bersultan di hati*. Apa yang mereka punyai, bukan lagi *punya aku, punya kamu;* tetapi segala-galanya *punya kami* [harta punya kami, anak punya kami, tanggungjawab punya kami - yang lahir dan yang batin juga punya kami]. Maka itu:

§ **strategi empat:** wajib pasangan muda itu membina, memupuk dan memelihara harmoni suami isteri untuk mengekalkan kerukunan rumahtangganya dengan melakukan:

7.1 asas-asas kerukunan rumahtangga, antaranya

(1) saling hormat menghormati antara suami isteri - hormati pandangannya, hormati saranannya, hormati kegemarannya, hormati tindakannya [selagi segala-galanya itu tidak bertentangan dengan hukum syarak]; kesepakatan harus dijadikan lunas bagi segala tindakan atas nama *institusi;*

(2) tolong-menolong dan bantu-membantu secara wajar dalam urusan rumah tangga [masak makan, berkemas dan mematut-matut, mengasuh mendidik, dan sebagainya];

(3) saling memaafkan apabila terdapat kesilapan yang tidak sengaja atau yang terlanjur dilakukan si bojo; ini yang kurang dilakukan banyak pasangan yang gagal;

(4) suami isteri itu patutlah saling mengenang budi atas kebaikan-kebaikan yang pernah dilakukan si bojo terhadapnya; *buang yang keruh ambil yang jernih.*.

(5) suami isteri itu hendaklah sentiasa menimbulkan suasana gembira di dalam rumah tangga sambil mengelakkan sebarang perkara yang mungkin menimbulkan kekeruhan;

(6) suami isteri wajib berbantu-bantuan dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan dan takwa kepada Allah; sembahyang berjemaah sebagai *simbolik;*

(7) saling mengucapkan tahniah dan hadiah menghadiahi ketika si bojo meraih sesuatu kejayaan atau ketika menyambut hari kenangan masing-masing, misalnya *hari lahir, hari ulang tahun, hari ibu, hari bapa* dan yang sebagainya.

bersambung®